

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RPK 531 Teori dan Falsafah Perancangan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi
DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan
peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Proses perancangan dan proses penyelidikan saintifik mempunyai ciri-ciri yang sama. Bincangkan kedua-dua proses ini dalam konteks persamaan dan juga perbezaan.
(20 Markah)
2. Pelan Struktur telah digubalkan supaya mempergiatkan lagi peranan penyertaan awam (seranta) dalam aktiviti perancangan. Nilaiikan keberkesanan tujuan tersebut dengan merujuk kepada kes-kes tempatan.
(20 Markah)
3. Apakah yang dimaksudkan dengan 'perancangan komuniti' (community planning)? Nyatakan kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan dalam pendekatan perancangan ini.
(20 Markah)
4. Politik dan perancangan adalah aktiviti-aktiviti yang saling berkait dan bertindih. Betapa pentingkah peranan seorang ahli perancang dalam proses membuat keputusan?
(20 Markah)

5. Memandangkan bidang perancang bandar berasaskan kepada teori-teori pembangunan bandar maka ia tidak berapa berkesan dan berguna untuk pembangunan luar bandar. Sila beri komen anda.

(20 Markah)

6. Bagaimanakah aspek-aspek ekonomi, fizikal dan sosial digembelungkan dalam amalan perancangan di Malaysia?

(20 Markah)

7. Isu-isu berikut adalah penting dan membawa kesan terhadap aktiviti perancangan bandar. Pilih dan bincangkan DUA (2) daripada isu-isu berikut:-

- (a) alam sekitar
- (b) tebus gunatanah
- (c) pemeliharaan
- (d) wawasan 2020

(20 Markah)

-ooo00ooo-